

USIM universiti pertama wujud perpustakaan LFL

Putrajaya: Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi perpustakaan universiti awam pertama mengambil inisiatif mewujudkan perpustakaan mini 'Little Free Library (LFL)' yang berdaftar dengan LFL Organization berpusat di Hudson, New York.

Pegawai Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd Zaini Othman, berkata Perpustakaan USIM membina 10 kotak kecil LFL dengan reka bentuk rumah Minangkabau bagi menonjolkan keunikan tersendiri.

Beliau berkata, ia akan ditempatkan di sekitar kampus khususnya kawasan tumpuan utama seperti bangunan Canselor, perpustakaan, kolej kediaman dan perhentian bas.

"Sebanyak empat LFL USIM telah siap dipasang baru-baru ini dan bakinya akan dipasang secara berperingkat.

"LFL USIM dengan nombor pendaftaran #31743 boleh memuatkan sekitar 50 bahan bacaan pada satu masa. Kewujudannya mendapat sokongan penuh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Musa Ahmad," katanya.

Khidmat komuniti

Mohd Zaini berkata, LFL USIM bertujuan membudayakan amalan membaca dalam kehidupan seharian seluruh warga universiti selari dengan slogan USIM, Peneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Selain itu, katanya, ia juga

turut menggalakkan kakitangan dan mahasiswa terbabit dalam khidmat komuniti kerana pengurusan LFL sendiri adalah berbentuk sukarelawan.

"Pengurusan LFL USIM diletakkan di bawah Jabatan Perpustakaan dan Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu dengan dibantu

47 sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan mahasiswa.

"Setakat ini, lebih 1,100 bahan bacaan sumbangan warga kampus dan masyarakat luar diterima membabitkan buku, majalah dan jurnal. Ia dijangka bertambah dari semasa ke semasa," katanya.



Keja-kerja pemasangan LFL di sekitar kampus USIM.